

## Teori *Al-Daruriyyat* dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep

MUHAMMAD ADNAN PITCHAN  
SITI NUR HUSNA ABD RAHMAN  
MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Perbincangan berkaitan dengan *al-daruriyyat* sangat berkait rapat dengan *maqasid shari'ah* yang merangkumi urusan dunia dan agama. Ilmu yang amat penting untuk kita dalami yang dengannya dapat kita ketahui sesuatu yang perlu kita utamakan dalam sesuatu urusan. Kepentingan memahami ilmu *al-daruriyyat* sama seperti memahami ilmu *maqasid*. Ilmu ini amat dititikberatkan oleh Sarjana Islam Kontemporari dalam perbincangan mereka. Beberapa isu yang melibatkan penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* akan diaplikasikan yang mana ia telah disimpulkan oleh para Ulama' fiqh dengan merujuk kepada dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah serta kesimpulan hukum-hakam yang diambil daripada perbincangan *maqasid shari'ah*. Medium penyampaian maklumat melalui media sosial mampu memberi penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* kepada masyarakat Islam secara lebih jelas dan terperinci dan sekaligus menjadikan media sosial sebagai medium dakwah Islamiah. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan teori *al-daruriyyat* dari aspek penggunaan media sosial. Selain itu, metodologi yang digunakan adalah perbincangan berdasarkan data-data sekunder seperti jurnal, buku-buku fiqh klasik dan moden. Hasil kajian mendapati penggunaan media sosial mampu mempengaruhi masyarakat Islam mendapatkan penjelasan berkaitan dengan agama Islam terutama dari perspektif teori *al-daruriyyat* dan aplikasinya dalam kehidupan seharian masyarakat Islam. Hal ini kerana media sosial bukan sahaja merupakan satu alternatif baru dalam penyampaian dakwah Islamiah pada masa kini, bahkan media sosial pada hari ini adalah satu keperluan masyarakat.

**Kata Kunci:** *Teori Al-Daruriyyat, media sosial, aplikasi, dakwah, Internet.*

## Al-Daruriyyat Theory and The Use of Social Media: A Conceptual Discussion

### ABSTRACT

The debate relating to *al-daruriyyat* is closely related to the *maqasid shari'ah* which includes the affairs of the world and religion. The importance of understanding *al-daruriyyat* is the same as understanding *maqasid* knowledge. Some issues involving an explanation of the *al-daruriyyat* theory will be applied to which it has been concluded by the fiqh ulama by referring to the verses of the al-Quran and as-Sunnah, and the conclusions of the laws taken from the debate of *maqasid shari'ah*. *Al-Daruriyyat* carries the meaning of things related to human life in the world and the hereafter. Social media now gaining attention in term of communication. Among the social media used universally and extensively are Facebook, WhatsApp, Telegram and so on. Therefore, various information on *al-daruriyyat* theory can be searched over the Internet. This study is aimed at identifying the use of social media in explaining the theory of *al-daruriyyat* clearly and in detail. This study also refers to several journal articles related to this title to refine this study. From the findings, the use of social media can influence the Muslim

community, especially in obtaining clarification regarding Islamic religion, which is explaining of *al-daruriyyat* theory and its application in the daily life of the Muslim community. Writers sees that social media is not just as alternative in Islamic preaching, but also a necessity to the society.

**Keywords:** *Al-Daruriyyat theory, social media, application, da'wah, Internet.*

## PENGENALAN

Bagi umat Islam perkembangan teknologi hari ini adalah satu Rahmat kerana dengan adanya teknologi semua perkara menjadi mudah dan senang. Dalam Islam sendiri ada menyatakan bahawa umat Islam perlu bergerak pantas seiring dengan kemajuan teknologi agar pelakuan dan pemikiran kita membantu dalam memperkembangkan Islam seluruh dunia. Oleh itu, umat Islam perlu cerdik dan bijak dalam menilai dan membuat sesuatu pilihan dan keputusan menggunakan teknologi terutama dalam menggunakan media sosial bagi menyebarkan ilmu Islam. Sekiranya, umat Islam pada hari ini tidak mengambil peduli dan peluang terhadap kemajuan teknologi, umat Islam akan ketinggalan terkebelakang dari orang bukan Islam. Sehubungan itu, ledakan pelbagai maklumat pada hari ini adalah dibawa oleh perkembangan teknologi. Pengaruh teknologi dalam menyebarkan ilmu Islam adalah paling kuat. Perubahan demi perubahan yang berlaku pada hari ini adalah terlalu pantas dan hebat. Maka sesiapa yang leka dan alpa mereka akan terpinggir, tertinggal dan barangkali akan tercicir daripada arus perdana. Mereka juga tergolong dalam kalangan manusia yang rugi.

Sebagai umat Islam kita perlu terkehadapan berbanding masyarakat bukan Islam terutama dalam menguasai ilmu teknologi yang menggunakan jaringan internet untuk melakukan pengaksesan, antaranya media sosial yang kita sendiri tahu bahawa pengaruh media sosial pada hari ini sangat hebat dan dahsyat yang menjadi tumpuan utamanya ialah generasi muda. Hari ini, generasi muda mula berlumba-lumba dalam membina komuniti siber atau alam maya melalui jaringan internet terutama media sosial yang terdiri daripada *Facebook, Twitter, YouTube, Tik Tok, Instagram, WhatsApp* dan banyak lagi. Media sosial hari ini telah menjadi salah satu elemen penting dalam sistem komunikasi dan interaksi antara seorang individu dengan individu lain sama ada jauh mahupun dekat. Malah media sosial juga mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pembentukan kehidupan masyarakat hari ini. Media sosial merupakan satu alat yang terpenting untuk menyebarkan maklumat sama ada maklumat yang palsu ataupun yang benar. Kita berada dalam dunia serba canggih yang mana segala maklumat atau informasi hanya diujung jari. Seharusnya kita menggunakan media sosial secara efektif untuk membangunkan agama dan negara, bukannya menjatuhkan agama dan negara. Maka penggunaan media sosial boleh dijadikan alat penyebaran dakwah terutamanya memperkenalkan konsep *amar maa'ruf nahi mungkar* seperti yang dititikberatkan dalam Islam.

Perbincangan berkaitan dengan teori *al-daruriyyat* ini merupakan satu tajuk utama yang dibincangkan dalam perbincangan *maqasid shari'ah*. *Maqasid shari'ah* dibahagikan kepada tiga bahagian keutamaan yang berbeza tetapi menjadi pelengkap iaitu: *al-daruriyyat, al-hajiyyat, al-tahsiniyat* (Yudian Wahyudi, 2007). *Al-daruriyyat* adalah suatu keharusan atau kewajiban yang tidak dapat dielakkan atau sesuatu yang mesti wujud demi kebahagiaan kehidupan manusia. Jika tiada kewujudan *al-daruriyyat* maka kehidupan manusia akan berlaku kepincangan dan kemusnahan. Seperti yang sedia maklum bahawa matlamat *al-daruriyyat* adalah untuk menjaga

lima *maqasid shari'ah* iaitu agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan harga diri. Perlindungan agama adalah melindungi seseorang untuk melaksanakan amanah yang diberi, dijauhi daripada fitnah dan menghindarkan manusia daripada gangguan salah faham mengenai agama. Ini kerana, manusia dilarang sama sekali menyesatkan agama yang telah dianuti oleh seseorang, larangan melakukan penghinaan terhadap agamanya, diharamkan melakukan kemungkaran dan melakukan kerosakan di muka bumi ini (Al-Sayuthi, 1989).

Manakala penyelenggaraan jiwa adalah salah satu cara melindungi diri dari semua hak untuk hidup dengan sebaiknya, termasuk penyelenggaraan dan perlindungan kebebasan dalam melakukan apa sahaja yang ingin dilakukan, kebebasan dalam berfikir, kebebasan dalam bercakap, kebebasan tinggal di mana sahaja dan lain-lain kebebasan lagi yang berkaitan dengan hak asasi manusia (Abu Zahrah, 1998). Penyelenggaraan ini adalah cara atau fungsi untuk melindungi diri dari segala yang boleh mengakibatkan kerosakan minda (Kashim et al., 2015). Di dalam al-Quran dan as-Sunnah telah dinyatakan bahawa mengambil sesuatu yang mengkhayalkan atau merosakkan fikiran seperti dadah, ganja, gam dan sebagainya dan minum dari minuman yang memabukkan seperti arak adalah haram (Hasim et al., 2016). *Al-hajiyat* pula ialah sesuatu yang diperlukan untuk manusia meneruskan kehidupannya. Jika ada sesuatu yang tidak ada, maka hidup manusia tidak akan mengalami kemusnahan, tetapi kesukaran akan dihadapi atau kehadiran sesuatu yang menjadikannya lebih mudah untuk mencapai keperluan *al-daruriyyat*. Seterusnya, *al-tahsiniyat* iaitu hiasan yang melengkapkan dan menyempurnakan kehidupan manusia. Jika tiada hiasan dan kesempurnaan tidak akan menghancurkan tujuan *al-daruriyyat*, tetapi kehadirannya akan mencantikkan pencapaian tujuan *al-daruriyyat* (Kashim et al., 2018). Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan penerapan *maqasid al-syari'ah* yang menjadi keutamaan yang utama di dalam kehidupan manusia iaitu *al-daruriyyat* yang mana ia adalah untuk memelihara agama, jiwa, akal, nyawa dan harga diri. Justeru, kajian ini akan menggunakan media sosial dalam memberi penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* dengan lebih jelas dan mudah difahami.

Oleh itu, perkara yang tersirat dalam ajaran Islam diungkai untuk membolehkannya menjadi asas kepada penetapan sesuatu hukum bergantung kepada pemahamannya. Perlakuan yang tidak baik akan merosakkan lima objektif syarak iaitu menjaga agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan harga diri (Yusuf al-Qaradawi, 2000). Menurut Imam al-Syatibi (1997), *al-daruriyyat* adalah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Jika tiada salah satu daripada perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar pada kehidupan manusia di dunia ini dan di akhirat. Akibat yang menimpa kerana ketiadaan sesuatu perkara itu mengikut berapa banyak perkara yang diperlukan itu tiada. Seterusnya Imam al-Syatibi menerangkan bahawa perkara-perkara yang terkandung *al-daruriyyat* adalah untuk menjaga lima *maqasid shari'ah* iaitu agama, jiwa, akal, harta, keturunan dan harga diri (Abdul Azib, 2012). Lima perkara ini diisyaratkan oleh al-Quran dan as-Sunnah (Husni et al., 2015). Ianya dapat difahami melalui kaedah al-istiqra' iaitu pengkajian mengenai sebab pada setiap hukum dari hukum-hukum yang disyariatkan (Kashim et al., 2018).

Perkembangan teknologi pada hari ini telah mengubah landskap komunikasi seseorang individu dengan individu yang lain. Perkembangan teknologi termasuk penggunaan media sosial. Penggunaan media sosial ini sesuai dengan tuntutan penyebaran dan pelaksanaan dakwah yang semestinya mengikut arus perkembangan zaman. Media sosial yang terdiri

daripada *Facebook, Twitter, YouTube, Tik Tok, Instagram, WhatsApp* dan banyak lagi dilihat memberi peluang yang luas terhadap penyebaran dakwah dan terutamanya dalam memperkenalkan ilmu Islam yang berkaitan *al-daruriyyat* kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Perkara ini jelas apabila terdapat ulama kontemporari turut menjadikan media sosial sebagai alat penyebaran dakwah dan ilmu Islam berkaitan *al-daruriyyat*. Seperti yang kita sedia maklum bahawa bidang dakwah merupakan sesuatu yang dituntut yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam dengan memperkenalkan konsep amar ma'aruf nahi mungkar seperti yang dititiberatkan dalam Islam (Zulkiple, 2001). Media sosial boleh diakses menggunakan jaringan internet pada bila-bila masa, di mana sahaja dengan menjadikan telefon mudah alih atau telefon pintar sebagai pengantaraan.

Dengan adanya perkembangan teknologi seperti media sosial maka segala maklumat boleh disebar dengan pantas tanpa sempadan. Pengaliran maklumat tidak hanya tertumpu pada negara-negara maju, bahkan di Malaysia turut menerima pengaliran maklumat tanpa sempadan. Kelebihan yang ada pada media sosial adalah penggunaannya perlu menggunakan jaringan internet. Dengan adanya internet pelbagai aplikasi, maklumat dan ilmu pengetahuan mudah dicapai secara tepat dan pantas sekaligus menjadikannya sebagai medium yang popular dan diperlukan dalam kehidupan manusia. Kewujudan internet telah membuka ruang digital baru yang mana akan menjadi satu ruang kebudayaan. Dengan adanya internet pelbagai kemudahan akan diterima oleh penggunaanya (Primada Qurrota, 2015). Oleh yang demikian, dengan adanya peranti mudah alih atau telefon pintar sebagai pengantaraan, maka media sosial boleh diakses menggunakan jaringan internet pada bila-bila masa, di mana sahaja untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai teori *al-daruriyyat* dengan mudah, cepat dan pantas.

Perkembangan media sosial hari ini telah menjadi alat untuk mendekatkan diri seseorang individu itu dengan masyarakat (Supyan, 2015). Setelah kajian dilakukan didapati pengguna media sosial merasakan sesuatu yang tidak sepatutnya seperti berasa gusar, bimbang, takut dan berwaspada apabila berhadapan dengan hal-hal yang berkaitan ilmu Islam yang ada dalam media sosial malah mereka turut belum bersedia untuk menghalang, menghapus dan mencegah penyebaran ilmu Islam yang salah di dalam media sosial. Walaupun penyebaran sesuatu berita atau informasi cepat dan pantas akan tetapi masyarakat ditegaskan dan disarankan untuk meneliti dan membaca kandungannya terlebih dahulu. Masyarakat perlu yakin dan pasti informasi yang tersebar dalam media sosial adalah informasi yang datangnya daripada sumber yang dipercayai dan diyakini sahaja. Sejak perkembangan media sosial, terdapat banyak blog baru muncul yang didapati penulisannya yang dibuat adalah tidak berdasarkan fakta yang tepat dan boleh dipercayai.

Perkara ini sangat membimbangkan para pengguna media sosial yang menjadikan media sosial sebagai alat pencarian fakta dan maklumat. Justeru, manusia boleh membuat pilihan yang bijak melalui penggunaan media sosial dalam melayari laman sesawang yang ada dalam media sosial. Hari ini tidak boleh dinafikan bahawa perkembangan media sosial memberi kesan yang positif kepada masyarakat Islam dalam mendapatkan ilmu Islam, ilmu kehidupan serta ilmu pengetahuan. Jika dibandingkan dengan zaman yang sebelum ini, masyarakat Islam terlalu sukar untuk mendapatkan maklumat dan informasi kerana semua maklumat hanya dikeluarkan melalui akhbar-akhbar sahaja. Tetapi hari ini, melalui media sosial masyarakat Islam boleh

mendapatkan segala maklumat dengan pantas dan cepat (Mior, 2015). Oleh itu, pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai ilmu Islam dengan lebih jelas dan terperinci yang semakin berleluasa di media sosial supaya ilmu tersebut mudah diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Masyarakat turut disarankan supaya menyemak kesahihan sesuatu maklumat atau berita yang tersebar di media sosial dan tidak semudahnya menularkan sesuatu maklumat atau berita. Ini bertepatan dengan kaedah fiqah iaitu lebih baik mencegah kemungkaran yang kecil terlebih dahulu bagi mencegah kemungkaran besar yang akan berlaku sekiranya kemungkaran kecil itu tidak dicegah dari awal. Meskipun media sosial merupakan alat mendapatkan maklumat dalam memperkenalkan nilai demokratik, terdapat banyak pengguna yang masih kurang berhati-hati dalam memberikan idea dan pandangan serta melemparkan tuduhan dan fitnah. Apa yang dapat dilihat pada hari ini perkembangan media sosial di Malaysia tidak digunakan sebaiknya dalam mendapatkan maklumat berkaitan politik dan ilmu agama. Dapat disimpulkan bahawa kadar celik politik, sejarah dan agama agak rendah. Perkara ini adalah kerana rakyat Malaysia lebih suka menggunakan media sosial dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan hal peribadi seseorang individu dan fitnah serta membaca fakta yang telah dimanipulasikan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dan jarang meneliti perbincangan rasional yang terdapat di dalam media sosial (Shamsul, 2015). Namun demikian media sosial merupakan satu wahana yang boleh membincangkan pelbagai perkara melalui alam maya tanpa perlu bersemuka, bahkan ramai rakyat Malaysia tidak ketinggalan ketika negara kita Malaysia yang semakin menghampiri status negara maju tahun 2020.

Media merupakan satu alat yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap komunikasi dan interaksi. Setiap orang yang ingin berkomunikasi dan mendapatkan maklumat dan informasi sama ada melalui media cetak dan media elektronik maka mereka memerlukan media sebagai perantara. Hari ini, penggunaan Internet dengan lebih meluas dalam komunikasi seharian khususnya dalam aspek penglibatan pengguna dalam berinteraksi melalui dalam talian adalah disebabkan perkembangan pesat teknologi komunikasi maklumat. Komunikasi siber pula digunakan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pengguna Internet di dalam menghadapi proses pembelajaran, pekerjaan, maklumat, data, berkongsi pandangan dan sebagainya (Wakefield & Rice, 2018). Menurut Muhammad Shahir (2013), berdasarkan definisi tersebut adalah perlu bagi para pendakwah hari ini berkongsi dan menyebarkan pelbagai maklumat, idea, cadangan dan pandangan menerusi media sosial. Sewajarnya mereka berdakwah tidak perlu menghadkan hanya menggunakan sesuatu media tertentu sahaja yang digunakan dalam menyampaikan ilmu Islam di seluruh alam ini.

Malahan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mengaplikasikan kepesatan teknologi serta kepantasan jaringan internet hari ini dalam menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat awam dalam menyampaikan aktiviti dakwahnya. Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan media sosial dalam menyebarkan maklumat dan informasi lebih pantas, cepat dan mampu menarik minat masyarakat untuk melayarinya selagi tidak melanggar etika penggunaan media itu sendiri. Tambahan pula, melalui penciptaan komunikasi siber menerusi jaringan internet dan inovasi teknologi terkini maka terhasil pelbagai jenis media sosial yang mempunyai kepelbagaian fungsinya yang tersendiri. Malah para pendakwah boleh menyampaikan dakwahnya dengan lebih baik, menarik dan interaktif. Antara media sosial yang popular sebagai

alat komunikasi melalui ruang maya adalah *Facebook, Twitter, YouTube, Tik Tok, Instagram, WhatsApp* dan banyak lagi menyebabkan timbulnya usaha untuk membangunkan jaringan sosial tempatan yang sesuai dengan kandungan dan pengguna di Malaysia (Siti Eizaleila & Azizah, 2010). Buktinya, semenjak kemunculan Facebook pada tahun 2004, secara pantas telah menjadi alat asas untuk interaksi sosial, identiti peribadi dan juga pembinaan rangkaian di kalangan pelajar.

Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa kewujudan laman web rangkaian sosial telah digunakan oleh semua peringkat lapisan masyarakat tidak kira sama ada golongan pelajar, suri rumah, para pekerja sektor awam mahupun swasta. Oleh itu, kemunculan pelbagai media baharu khususnya media sosial pada masa kini dilihat sebagai satu alat penting oleh para pendakwah untuk melaksanakan aktiviti dakwahnya. Menurut Sohirin (2008), usaha dakwah melalui internet perlu diberi keutamaan berbanding penggunaan media tradisional. Ini kerana penyampaian pesanan dakwah itu boleh merentasi sempadan seterusnya mampu menasar kepada bukan sahaja orang Islam malah segenap lapisan bangsa di muka bumi ini. Melalui penggunaan media, pelbagai keperluan semasa umat Islam dapat dicurahkan oleh umat Islam itu sendiri mengikut cita rasa kontemporari yang sejajar dengan ajaran Islam dan sentiasa menjadi pilihan utama umat Islam hari ini.

Rosmawati (2011) serta Siti Eizaleila dan Azizah (2010) menyebut bahawa kelebihan laman web sosial yang telah dijadikan pilihan utama pengguna Internet pada hari ini adalah kerana penawarannya mencipta personal maya dalam setiap profil pengguna serta sebagai bentuk komunikasi dengan pelbagai aktiviti. Manakala laman sosial yang dihasilkan menawarkan fungsi yang sama iaitu sebagai tempat untuk bertemu sahabat baharu, mengekalkan persahabatan, berkongsi maklumat dan idea untuk tujuan peribadi mahupun tujuan perniagaan serta menyatukan orang ramai tanpa perlu bersua muka. Perkara ini jelas menunjukkan kelebihan media sosial yang boleh digunakan oleh para pendakwah dalam menyebarkan dakwah Islam kepada seluruh masyarakat di Malaysia mahupun merentasi sempadan dunia. Oleh itu, penggunaan media sosial yang terdiri daripada *Facebook, Twitter, YouTube, Tik Tok, Instagram, WhatsApp* dan banyak lagi bukan sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk menghabiskan masa lapang. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat bukan sahaja daripada generasi muda dan tua, bahkan pemimpin juga turut memilih untuk menggunakan media sosial sebagai perantaraan. Justeru, media sosial ini turut menjadi satu cara untuk kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya untuk mengetahui mengenai teori *al-daruriyyat* secara terperinci.

## METODOLOGI

Bagi menyempurnakan objektif artikel ini, penilaian kepada dokumen-dokumen berbentuk teks adalah satu keperluan. Ini kerana rujukan kepada teori *al-daruriyyat* bersumberkan kepada penulisan sarjana Islam klasik dan kontemporari terutama dalam bahasa Arab. Begitu juga penulisan yang berkaitan makanan halal turut didapati daripada bahan-bahan penulisan yang telah tersedia dibahaskan. Data-data yang diperolehi kesemuanya berbentuk penulisan termasuklah buku, kertas kerja, artikel jurnal, ensiklopedia, tesis dan bahan-bahan bercetak lain. Ini bertepatan dengan kaedah dokumentasi yang digunakan sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Bahan-bahan bercetak yang digunakan ini adalah merupakan data yang

bersifat sekunder. Buku-buku lain turut digunakan terutama penulisan ilmiah daripada tesis, artikel jurnal, kertas kerja dan sebagainya. Penulisan yang menjadi fokus utama adalah daripada skop ilmu Fiqh, *Usul al-Fiqh* dan *maqasid shari'ah* kerana *al-daruriyyat* dibincangkan di bawah perbincangan ini. Secara umumnya, penulisan yang membincangkan tentang teori *al-daruriyyat* melibatkan tiga bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Laman sesawang, jurnal dan buku-buku mengenai media sosial digunakan menjadi rujukan kajian ini.

Oleh kerana kajian berkaitan teori *al-daruriyyat* ini masih baru diperkatakan, bahan-bahan berkaitan dengannya tidak meluas. Oleh itu, kajian ini memilih karya-karya Yusuf al-'Alim (1994), Wahbah al-Zuhaili (1997), Yusuf al-Qaradawi (2000) dan Al-Syawkani (1995) sebagai rujukan utama sepanjang kajian ini dijalankan. Al-Syawkani (1995) dan Yusuf al-'Alim (1994) adalah merupakan pelopor utama kepada pengenalan *al-daruriyyat*. Al-Syawkani (1995) dalam karyanya yang bertajuk *Irsyad al-Fukhul Ila Tahqiq 'Ilm al-Usul* dan Yusuf al-'Alim (1994) dalam karyanya yang bertajuk *Al-Maqasid al-'Ammah li Syari'ah Islamiyyah*. Dua karya ini dipilih sebagai rujukan paling utama kajian ini kerana karya ini membahaskan mengenai teori *al-daruriyyat* secara umum. Bahkan dua karya ini juga menjadi sumber rujukan utama kepada karya-karya lain dalam bidang *al-daruriyyat*. Namun begitu, pemilihan dua sumber utama ini tidak menafikan penggunaan sumber-sumber rujukan lain.

#### TEORI AL-DARURIYYAT

*Teori al-daruriyyat* sangat berkait rapat dengan *maqasid shari'ah* yang merangkumi urusan dunia dan agama. Ilmu yang amat penting untuk kita dalami yang dengannya dapat kita ketahui sesuatu yang perlu kita utamakan dalam sesuatu urusan. Kepentingan memahami ilmu *Teori al-daruriyyat* sama seperti memahami ilmu *maqasid shari'ah*. Kedua-dua ilmu ini saling melengkapi dan diperlukam untuk menetapkan hukum. Perletakan hukum perlu selari dengan matlamat syarak dan perlulah difahami bahawa *teori al-daruriyyat* ini akan mengikat penilaian seseorang dalam membuat sesuatu keputusan. Perbincangan teori *al-daruriyyat* di dalam kajian ini berfokuskan kepada konsepnya, kepentingan mengaplikasikan teori *al-daruriyyat* dalam mengamalkan ajaran Syariah Islam dan garis panduan syarak yang diperlukan dalam mempraktikkan teori *al-daruriyyat* dalam kehidupan. Konsep teori *al-daruriyyat* adalah selari dengan teori *maqasid shari'ah*, yang mana dari segi pensyariatan hukum-hakam adalah untuk memberi kebaikan kepada manusia sejagat. Justeru, tujuan dan matlamat syarak adalah memberi kebaikan dan manfaat kepada manusia serta menghindarkan kemudaratan.

Salah satu keperluan utama yang diperlukan oleh kehidupan yang beragama dan keduniaan manusia adalah mengetahui ilmu teori *al-daruriyyat*. Perkara ini menunjukkan bahawa sekiranya ilmu teori *al-daruriyyat* tidak ada nescaya berlakulah kepincangan serta kesusahan kehidupan manusia di dunia ini dan akan mengalami kesusahan dan kepayahan di akhirat nanti. Asas kepada teori *al-daruriyyat* adalah untuk menjaga lima kepentingan *maqasid shari'ah* iaitu untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Perkara ini bermakna, segala urusan agama dan kedudukan dibina disebabkan kewujudan kepentingan dan memberi kemudahan demi memelihara kehidupan individu dan masyarakat berjalan dengan baik serta sempurna. Menurut Zamri (2016), para ulama telah membuat ketetapan mengenai tertib dalam melaksanakan *maqasid shari'ah* iaitu kepentingan agama paling tertinggi dan lebih utama dari kepentingan jiwa, manakala kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari

kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta.

Oleh yang demikian, aplikasi kaedah teori *al-daruriyyat* dalam kehidupan seharian perlulah ditentukan berdasarkan ilmu pengetahuan tanpa mengikut hawa nafsu. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip yang mana ia merupakan objektif paling asas dalam *shari'ah* Islam. Berasaskan konsep *maqasid shari'ah*, apa sahaja yang boleh menjaga kepentingan lima perkara ini dilihat sebagai masalah sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada manusia. Sebaliknya apa sahaja yang boleh menggugat kepentingan lima perkara ini dilihat sebagai satu mafsadah atau keburukan dan malapetaka kepada kehidupan manusia sejagat (Al-Syatibi, 1341H). Penjagaan *maqasid shari'ah* ini perlu berlaku berasaskan dua perspektif iaitu positif dan negatif. Dari perspektif positif adalah untuk menghasilkan apa sahaja yang boleh menegakkan kepentingan manusia. Sementara dari perspektif negatif pula ialah menentang atau menghapuskan apa sahaja yang boleh mengancam kepentingan manusia. Maka, berasaskan prinsip di atas, cara melakukan *tarjih maqasidi* adalah seperti berikut:

*a) Pertembungan Antara Dua Masalah*

Apabila berlaku Pertembungan antara dua masalah (kebaikan), hendaklah membuat perbandingan untuk memilih yang terbaik antara yang terbaik dengan mengutamakan perkara yang mendatangkan kebaikan yang lebih besar dari perkara yang boleh mendatangkan kebaikan yang kecil (al-Qardawi, 2015). *'Ulama usul fiqh* menetapkan asas kemaslahatan terbahagi kepada tiga iaitu daruriyat, hajiyat dan tahsiniyat (Hasan, 2013). Apabila berlaku pertembungan antara daruriyat dan hajiyat maka daruriyat hendaklah diutamakan kerana mengikut pertimbangan *daruriyat* lebih penting dari hajiyat. Para ulama membahagikan *daruriyat* kepada lima iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta (al-Qardawi, 2015). Sebahagian ulama menambah *daruriyat* keenam iaitu kehormatan. Agama merupakan perkara paling penting dan mesti diutamakan daripada semua perkara *daruriyat* yang lain. Menurut al-Qardawi (2015), dalam memberikan pertimbangan terhadap pelbagai kepentingan ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah;

- i. Sesuatu yang diyakini berlaku mestilah diutamakan berbanding dengan dengan sesuatu perkara yang disangka atau dianggarkan akan berlaku.
- ii. Sesuatu yang berkepentingan besar perlu diutamakan berbanding sesuatu yang berkepentingan kecil.
- iii. Sesuatu yang membawa kepada kepentingan ramai perlu diutamakan berbanding sesuatu yang membawa kepada kepentingan individu sahaja.
- iv. Sesuatu yang berkepentingan banyak perlu diutamakan berbanding sesuatu yang berkepentingan sedikit.
- v. Sesuatu yang diyakini berkekalan mestilah diutamakan berbanding dengan dengan sesuatu perkara yang bersifat sementara.
- vi. Sesuatu yang menjadi teras dan asas mestilah diutamakan berbanding dengan dengan sesuatu perkara yang bersifat sampingan dan tidak penting.



- vii. Sesuatu yang berkepentingannya lebih kuat pada masa hadapan perlu diutamakan berbanding sesuatu yang berkepentingan lebih lemah pada masa kini.

*b) Pertembungan antara Dua Mudarat*

Pertembungan antara dua mudarat juga mempunyai peringkat. Mudarat pada perkara daruriyat adalah lebih diutamakan berbanding mudarat pada perkara hajiyat ataupun tahsiniyat.

*c) Pertembungan antara Masalah dan Mudarat*

Apabila pertembungan antara mudarat dan masalah berlaku dalam sesuatu perkara, secara pertimbangannya hendaklah memilih masalah dan menolak yang mudarat. Sekiranya sesuatu perkara itu mempunyai mudarat yang lebih berat berbanding dengan manfaat, perkara tersebut hendaklah ditegah. Ini kerana jika mudarat lebih banyak daripada manfaat, manfaat yang sedikit hendaklah diabaikan (al-Qardawi, 2015).

Menurut Al-Syatibi (1997), *al-daruriyyat* adalah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Jika tiada salah satu daripada perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar pada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Akibat yang menimpa kerana ketiadaan sesuatu perkara itu mengikut berapa banyak perkara yang diperlukan itu tiada. Seterusnya Al-Syatibi menerangkan bahawa perkara-perkara yang terkandung di dalam *al-daruriyyat* ada lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda (Abdul Azib, 2012).

Lima perkara ini diisyaratkan oleh al-Quran dan al-Sunnah dan ianya dapat difahami melalui kaedah *al-istiqra'* iaitu pengkajian mengenai sebab pada setiap hukum dari hukum-hukum yang disyariatkan (Al-Syatibi, 1997). Oleh itu, lima perkara tersebut merupakan perkara yang amat diperlukan (*al-daruriyyat*) dalam kehidupan manusia (Asmadi, 2008). Hal yang demikian jelas bahawa prinsip *al-daruriyyat* ini merupakan suatu kaedah yang signifikan dalam menyelesaikan permasalahan syariat seperti isu makanan dan pemakanan halal yang berkaitan dengan masyarakat Islam yang berada di dalam negara bukan Islam sama ada atas urusan rasmi atau dengan tujuan melancong. *Imam al-Ghazali* menerangkan maqasid yang daruri berdasarkan urutannya:

Masalah yang lima ini memeliharanya terletak di dalam tahap dharuri iaitu yang paling kuat dalam masalah. Contohnya, syara' menetapkan orang kafir yang menyesatkan orang lain dibunuh, demikian juga penganut bid'ah yang mengajak orang lain kepada bid'ahnya kerana ia merosakkan agamanya kepada masyarakat. Selain itu, syarak menetapkan wajib qisas terhadap pembunuhan untuk memelihara nyawa, mewajibkan hukuman had kepada orang yang meminum arak bagi menjaga akal kerana akal itu sendi pentaklifan, mewajibkan hukuman zina bagi menjaga keturunan dan wajib mendera pembongkar kuburan dan pencuri kerana dengannya terpelihara harta yang menjadi hajat hidup manusia sedangkan mereka memerlukannya.

Allah SWT telah menyatakan tentang kepentingan menjaga *maslahah daruriyyat* ini dalam firmanNya di dalam Surah al-Mumtahanah ayat 12:

Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Oleh itu nikmat harta yang dikurniakan Allah SWT wajib disyukuri bukannya dicemari dan disalah gunakan. Selain itu, apabila kefahaman berkenaan teori *al-daruriyyat* sudah mula dikuasai oleh semua golongan masyarakat Islam maka kefahaman adalah merupakan suatu kaedah yang signifikan dalam menyelesaikan permasalahan syariat yang berkaitan dengan masyarakat Islam berada di negara ini.

#### MEDIA SOSIAL MERUPAKAN SATU ALTERNATIF BARU DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH ISLAMIAH MENGENAI TEORI AL-DARURIYYAT

Dalam melaksanakan tuntutan dakwah, para pendakwah seharusnya menggunakan segala kaedah yang ada pada hari ini mengikut kesesuaian zaman. Masa kini dapat kita lihat bahawa media merupakan satu alat atau sumber mencari ilmu yang paling berkait rapat dengan manusia. Dengan adanya kemajuan media sosial dengan menggunakan jaringan Internet masyarakat mampu memperoleh maklumat dan informasi di alam maya walaupun dalam jarak yang sangat jauh tanpa perlu bersemuka antara satu sama lain. Media merupakan satu saluran yang membawa kepada perjalanan maklumat daripada satu sumber kepada satu sumber yang lain secara cepat, pantas dan mudah. Oleh itu, sekiranya para pendakwah ingin menggunakan media sosial sebagai medan menyampaikan dakwah adalah sesuatu jalan yang terbaik.

Penggunaan media sosial yang menggunakan jaringan internet seperti *Facebook, Twitter, YouTube, Tik Tok, Instagram, WhatsApp* dan banyak lagi perlu dimanfaatkan kegunaannya sebaik mungkin terutama menjadikan ia sebagai alat penyampai dakwah. Manakala media massa yang sedia ada seperti akhbar, radio dan televisyen merencanakan lagi penyebaran maklumat dan informasi dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, media massa dan media sosial memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting dalam menyampaikan maklumat yang benar, tepat dan berfaedah kepada masyarakat di dunia. Ini kerana segala maklumat dan informasi mudah diakses dan semuanya berada diujung jari. Bahkan, segala maklumat yang disebarkan oleh media massa dan media sosial juga perlu mengambil kira tanggungjawab untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Media dari perspektif Islam haruslah bersifat menyuruh atau menyeru kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar.

Berkomunikasi dan berinteraksi sangat dituntut dalam Islam dengan berpandukan sumber perundangan Islam yang tertinggi iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Terdapat pelbagai kaedah yang telah digunakan sejak zaman Rasulullah SAW dalam menyampaikan pesanan

terutamanya yang berkaitan dengan ilmu Islam. Namun, sesuai dengan peredaran zaman masa kini, Noor Shakirah (2006) menjelaskan bahawa media menjadi nadi kepada maklumat, kejayaan sesuatu usaha dalam masyarakat bergantung kepada usaha sejauh mana mereka menguasai medium pada zamannya. Menjadi kewajipan menyampaikan dakwah sama ada secara individu atau secara berkumpulan. Menurut Zulkiple (2001), setiap umat Islam adalah komunikator Islam sebagai seorang pendakwah dan diletakkan tanggungjawab ditahap wajib menyampaikan pesanan mengikut kadar keupayaan mereka.

Secara umum, masyarakat Islam sudah mengetahui bahawa dakwah adalah satu kegiatan yang bersifat menyeru atau mengajak ke arah kebaikan dan meninggalkan keburukan yang berpandukan dalil al-Quran dan as-Sunnah. Selain itu juga, dakwah yang disampaikan atau disebarkan adalah bertujuan untuk mengubah kehidupan individu dan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Penyampaian dakwah yang baik adalah penyampaian yang jelas dan dalam masa yang sama mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Justeru, para pendakwah sebagai komunikator Islam perlu menjadikan media sosial sebagai medium yang terbaik untuk membawa mesej kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada masyarakat Islam di seluruh dunia. Sudah jelas lagi nyata bahawa dakwah merupakan seruan kepada seluruh manusia terhadap sesuatu perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menggalakkan mereka bagi mendapatkan sesuatu hasil yang mampu mengubah kehidupannya agar lebih baik dan teratur. Firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 26:

Bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya. Dan muka mereka tidak ditutupi debu hitam dan tidak (pula) kehinaan. Mereka itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya.

Daripada ayat tersebut dapat dilihat bahawa Allah SWT menyeru manusia supaya patuh dan taat kepadaNya agar memperoleh tempat yang kekal abadi iaitu syurga. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kemunculan media sosial seperti aplikasi *WhatsApp*, *Facebook* mahupun *Twitter* telah mewujudkan satu peluang baru dalam kalangan pendakwah disebabkan sifatnya yang menarik, pantas dan sangat interaktif. Dengan ciri-ciri tersebut, media sosial dilihat mampu memberi impak yang maksima terhadap aktiviti dakwah seterusnya mempengaruhi minat masyarakat untuk lebih mendalami ilmu Islam. Dakwah pula merupakan suatu cara interaksi dan komunikasi di antara penyampai dan penerima yang bertujuan untuk menyeru untuk beriman dan taat kepada Allah SWT dan Rasullullah SAW bersesuaian dengan garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam. Asyraf Wajdi (2017) menyarankan agensi agama memanfaatkan segala aplikasi ini dan bukan sekadar menggunakan medium forum atau diskusi sahaja untuk sebar luaskan pengetahuan terutama dalam membicarakan mengenai teori *al-daruriyyat* dan aplikasinya dalam kehidupan seharian masyarakat Islam terutamanya masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu, kewujudan media sosial memberi ruang kepada para pendakwah untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat.

Manakala bagi golongan pendakwah, mereka menganggap bahawa media sosial amat berguna bagi memperkenalkan Islam dengan lebih mendalam dan terperinci (Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012). Mereka juga mendapati bahawa media sosial sangat berguna untuk menyampaikan dakwah Islam kepada golongan muda dan golongan berpendidikan. Selain

daripada aktiviti dakwah yang lazimnya dijalankan secara bersemuka oleh seseorang individu dengan pihak yang berkecimpung dalam bidang keagamaan, media sosial juga dapat dijadikan platform alternatif dalam proses penyebaran ajaran Islam menggunakan alam maya tanpa perlu bersemuka (Mohd Nasran, 2009). Kita sendiri ketahui bahawa media sosial dapat membekalkan pelbagai kandungan yang berbentuk dokumentasi, berita, analisis, isu dan gambaran tentang Islam dihujung jari dengan lebih efektif kepada semua lapisan masyarakat dengan hanya menggunakan jaringan internet (Mohd. Shuhaimi & Sohirin, 2012).

Media sosial yang digunakan adalah melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Wechat*. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Oleh itu, penggunaan media sosial seperti aplikasi *WhatsApp*, *Facebook*, *blog*, *Twitter* mahupun *Instagram* hari ini adalah alat terbaik untuk menjelaskan maklumat mengenai teori *al-daruriyyat* dengan lebih jelas walaupun penerangan mengenai teori ini telahpun disampaikan melalui ceramah, forum perdana, diskusi ilmiah serta banyak lagi akan tetapi penyampaian maklumat menggunakan medium media sosial adalah satu langkah yang bagus kerana sekarang ini masa telah melangkaui segalanya. Oleh yang demikian, dengan adanya internet dan telefon pintar, kita dapat mengetahui mengenai teori *al-daruriyyat* dengan mudah dan cepat dan boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, melalui media sosial masyarakat mampu menyampaikan pesanan dan berkongsi idea mengenai teori *al-daruriyyat*. Masyarakat juga perlu meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dalam menilai sesuatu bahan rujukan yang diperolehi dan rujukan yang disampaikan mestilah merujuk kepada undang-undang yang telah diperuntukkan dalam akta penyebaran maklumat. Jika merasakan sesuatu maklumat yang tersebar di media sosial adalah tidak betul dan menjatuhkan maruah seseorang, buatlah aduan kepada pihak berkuasa bagi mewujudkan suasana positif dan memberi manfaat kepada masyarakat (Supyan Hussin, 2015).

Oleh itu, peranan media sosial pada hari ini bukan sahaja sebagai penyalur maklumat berkenaan isu kemasyarakatan dan pembangunan negara, malah sudah menjadi ejen dakwah dalam menyebarkan maklumat tentang agama Islam kepada semua manusia di muka bumi ini. Penggunaan media sosial oleh masyarakat yang disifatkan sebagai alat penghubung kepada masyarakat dalam mendapatkan penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* dan menunjukkan bahawa media sosial berupaya menghidupkan nilai keagamaan dalam diri dan kehidupan masyarakat Islam. Hal ini membuktikan bahawa salah satu motif penggunaan media sosial adalah bagi memenuhi keperluan keagamaan masyarakat di negara ini. Walau bagaimanapun, media-media lain juga masih digunakan sebagai sumber maklumat, tetapi tidak secara maksimum. Ini disebabkan oleh kelebihan yang dimiliki media sosial baharu yang dikuasakan oleh Internet yang mempunyai pelbagai aplikasi, mudah dicapai dan menyampaikan maklumat dengan cepat sekaligus menjadikannya sebagai medium yang popular dalam kalangan masyarakat untuk mengetahui teori *al-daruriyyat* dengan lebih jelas dan terperinci.

Faktor utama yang mendorong pemilihan media sosial sebagai alat atau cara terbaik dalam menjelaskan mengenai teori *al-daruriyyat* dalam artikel ini adalah kerana terdapat keunikan ciri tersendiri yang dimiliki oleh setiap media untuk menjadi aset yang dapat menarik masyarakat bagi menjadikannya sebagai sumber maklumat utama. Oleh yang demikian, dalam zaman dunia tanpa sempadan yang mana masyarakat terdedah dengan dunia teknologi yang pesat dengan kepantasan Internet tanpa had, dapat dilihat bahawa media sosial adalah salah

satu medan dakwah yang penting dan sesuai dilakukan untuk meningkatkan dakwah Islam terutama dalam mengetahui teori *al-daruriyyat*. Terdapat beberapa kelebihan yang dihasilkan oleh media sosial dalam menyampaikan dakwah dengan lebih jelas dan terperinci. Antara kelebihan media sosial dijadikan medium dakwah adalah:

- 1) Penggunaan media sosial dalam berdakwah adalah satu inisiatif yang berkesan dan memberi implikasi positif bukan sahaja kepada diri seseorang individu mahupun masyarakat bahkan kepada agama, bangsa dan negara.
- 2) Media sosial adalah satu keutamaan kerana mampu menjangkau lebih ramai sasaran atas tujuan menyeru kepada kebaikan.
- 3) Peranan penggunaan laman web sosial untuk menembusi benteng sasaran dakwah remaja yang gemarkan gajet teknologi sebagai pelengkap interaksi sosial mereka seperti melalui *Facebook*, *Twitter* mahupun aplikasi *WhatsApp* dilihat sebagai faktor kepada pelaksanaan dakwah alaf baharu. Oleh itu, laman web sosial boleh digunakan untuk menjelaskan mengenai teori *al-daruriyyat* dengan lebih jelas dan terperinci.
- 4) Penggunaan media sosial seperti *blog*, *Facebook*, *YouTube*, *Twitter* dan *Instagram* tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang tetapi mampu menjadi alat atau cara dakwah yang terbaik. Media sosial ini turut menjadi satu cara untuk menambahkan pengetahuan kepada masyarakat Islam khususnya mengenai teori *al-daruriyyat*. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahu pun pemimpin untuk menggunakannya.
- 5) Media sosial merupakan alat yang berpengaruh dalam semua aktiviti komunikasi. Setiap individu memerlukan media sosial sebagai perantara interaksi dan komunikasi seseorang untuk mendapatkan maklumat dan informasi dengan cepat, tepat dan dipercayai.

Media merupakan satu jalan untuk menyampaikan dakwah yang seharusnya halal dan tidak cenderung kepada sebahagian pendapat sahaja. Dakwah yang disampaikan perlulah bersifat menyeluruh dan tidak jauh dari landasan Islam. Manakala saluran maklumat yang diberikan juga haruslah tepat dan menepati ajaran Islam agar masyarakat tidak keliru dan mudah untuk difahami. Justeru, perbincangan keagamaan mengenai teori *al-daruriyyat* bukan sahaja boleh dibukukan atau disebar dalam bentuk fizikal namun turut boleh disebar melalui aplikasi yang lebih dekat dengan masyarakat supaya lebih ramai mendapat manfaat. Perkara ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua masyarakat Islam mengenai teori *al-daruriyyat* serta hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan teori *al-daruriyyat* oleh masyarakat Islam untuk terus mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam kehidupan masing-masing. Penggunaan media sosial dalam memberi penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* adalah sesuatu perkara yang sangat mantap dan teratur baik. Oleh yang demikian selain daripada usaha-usaha menggunakan medium media sosial dalam memberi penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat*, medium lain turut boleh dilakukan dan seterusnya dilaksanakan.

Oleh yang demikian, para pendakwah haruslah menggunakan cara yang ada pada zaman kini dalam usaha mengembangkan Islam kepada umum. Kombinasi antara elemen dakwah dan teknologi mewujudkan satu fenomena yang mampu menghasilkan kesan pembangunan jiwa ummah. Justeru, penggunaan media sebagai jalan menyampaikan dakwah masa kini adalah amat penting dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat hari ini.

#### KESIMPULAN

Pada hari ini komunikasi dan interaksi tidak lagi terhad secara bersemuka sahaja. Kemajuan teknologi yang canggih pada hari ini telah membuka ruang kepada semua manusia berkomunikasi dan berinteraksi secara tidak bersemuka, sebagai contoh menggunakan ruang maya melalui media sosial yang tersedia ada. Selain itu, media sosial juga merupakan salah satu medium penyebaran dakwah kerana penggunaannya dapat menjangkau bilangan masyarakat yang wujud di muka bumi ini tetapi dengan syarat mereka semua mampu mengakses internet terlebih dahulu. Ini kerana, media sosial boleh digunakan apabila internet boleh diakses. Sehubungan itu, internet diperlukan dalam penggunaan media sosial. Justeru itu, sebagai seorang pendakwah sewajarnya perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi untuk memudahkan proses penyebaran dakwah dan menghasilkan keberkesanan dakwah yang dilaksanakan. Oleh itu, sebagai seorang pendakwah mereka perlu berfikiran kritis, kreatif dan fleksibel dalam mendekati diri kepada masyarakat sekeliling dalam proses penyebaran dakwah agar dakwah yang disampaikan boleh diamalkan oleh masyarakat sekeliling dan diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka. Oleh yang demikian, penggunaan media sosial dalam penyebaran dakwah Islam perlu menekankan konsep tauhid, akidah dan akhlak agar ia boleh menjadikan Islam sebagai acuan hidup masyarakat. Masyarakat Islam juga akan sentiasa bermaklumat dan celik IT dengan menggunakan media sosial sebagai tujuan penyemai dakwah Islam dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam di dunia ini. Kaedah ini juga dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada orang Islam malah orang bukan Islam juga dalam kehidupan mereka. Selain itu, penggunaan internet dan media sosial sangat berguna kepada masyarakat Islam dalam mengeluarkan pendapat dan cadangan yang berguna kepada agama Islam dan hasilnya memberi manfaat kepada agama dan selari dengan tuntutan syarak.

Oleh itu, masyarakat di dunia ini khususnya masyarakat Islam yang menjadi pengguna kepada media sosial perlu kembali kepada prinsip al-Quran dan as-Sunnah ketika berhadapan dengan fitnah di alam maya yang dikenali sebagai fitnah dunia digital yang kian berleluasa. Ini kerana, masyarakat hari ini berdepan cabaran yang mana zaman maklumat di hujung jari membuatkan sumber yang dicapai terlalu banyak hinggakan tidak diketahui sama ada benar atau sebaliknya. Sehubungan itu, sebagai masyarakat Islam yang menjadi pengguna media sosial perlu menyemak serta memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum membuat kesimpulan dan tindakan terhadap kesimpulan yang mereka dapati itu. Ini kerana, kita sendiri tahu bahawa dunia hari ini dipanggil dunia tular menular. Terjadinya tular menular ini adalah berpunca daripada satu kelompok yang terdiri daripada individu yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita sama ada palsu atau benar melalui media sosial secara terbuka ataupun tertutup.

Manakala dalam konteks memberi penjelasan mengenai teori *al-daruriyyat* dengan lebih jelas dan terperinci, kita berhadapan dengan zaman yang mana kita tidak tahu sama ada maklumat yang kita dapat dari capaian di jari-jemari kita ini, betul atau tidak. Oleh itu dalam surah *al- Hujarat* telah mengetengahkan dua prinsip penting yang Allah SWT gariskan kepada kita sebagai umat Islam, pertama prinsip *tabayyun* yang bermaksud selidiki maklumat terlebih dahulu dan perlu memastikan keabsahan dan kesahihan maklumat yang dikeluarkan, sebelum kita membuat sebarang kesimpulan terhadap maklumat yang diperolehi. Manakala prinsip yang kedua pula disebut sebagai *husnuzon* yang membawa erti bersangka baik dan tidak dibenarkan bersangka buruk. Oleh itu, maklumat yang diperolehi perlulah dianggap sebagai sesuatu yang bermanfaat kepada diri individu dan masyarakat Islam tersebut dan bertujuan untuk membantu masyarakat Islam dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu keagamaan. Perkara ini juga membawa maksud berprasangka baik terlebih dahulu sebelum kita membuat keputusan dan kesimpulan sebelum tindakan dari kesimpulan tersebut.

#### BIODATA

*Muhammad Adnan Bin Pitchan* merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Massa daripada Universiti Putra Malaysia. Bidang kajian beliau adalah media baharu, undang-undang siber, dan dasar keselamatan siber. Email: [adnan86@ukm.edu.my](mailto:adnan86@ukm.edu.my)

*Siti Nur Husna Binti Abd Rahman* merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Pengajian Islam Syariah, UKM. Kajian beliau adalah dalam bidang fiqh semasa bertajuk “Aplikasi Prinsip Al- Daruriyyat dalam penentuan hukum makanan dan pemakanan di negara bukan Islam”. Email: [p87048@siswa.ukm.edu.my](mailto:p87048@siswa.ukm.edu.my)

*Mohd Izhar Ariff Bin Mohd Kashim* merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Fiqh Kepenggunaan dan Fatwa Semasa. Email: [izhar.ukm@gmail.com](mailto:izhar.ukm@gmail.com)

#### RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, Wan Solihin Wong Abdullah, & Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin. (2014). Penerimaan blog sebagai medium agama dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCasic) 2014*, 4-5 Mac 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abd al-Karim Zaydan. (1989). *Al-madkhal li dirasat al-syari'ah al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Abu Zahrah. (1998). *Ushul fiqh*. Bairut: Dar Al-fikr.
- Al-Amidi. (2003). *Al-Ihkam fi usul al-ahkam*. Sa 'udiyah: Dar al-Sami'i.
- Al-Barzanji. (1996). *Al-ta'arud wa al-tarjih bayna al-adillah al-syar'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Gazali. (1971). *Syifa al-galil fi al-bayan al-syibh wa al-mukhil wa al-masalik al-ta'lil*. Bagdad: Mathba'ah al-Irsyad.
- Al-Raysuni. (1992). *Nazariyyat al-maqasid 'inda al-imam al-shatibi*. Bayrut: Dar al-'Alamiyyah li al-Kuttab al-Islami.
- Al-San'ani. (1998). *Subul al-salam syarh bulugh al-maram min jam' adillat al-ahkam*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sarakhsi. (1997). *Usul al-sarakhsi*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syawkani. (1995). *Irsyad al-fukhul ila tahqiq 'ilm al-usul*. Bayrut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Al-Qadir al-Razi. (1950). *Mukhtar al-sahah*. Qahirah: al-Halabi.
- Al-Quran. (2010). *Tafsir pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- Al-Zarkashi. (1994). *Al-bahr al-muhit fi usul al-fiqh*. Qahirah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Sarjit Singh Darshan Sing, Lee Yok Fee, Muhamad Nazri Lokman & Noor Asyikin Harun. (2011). Persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam hadhari. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 63 – 82.
- Dian Mursyidah & Agus Salim. (2012). Dakwah melalui media siber: Analisis pesan dakwah dalam Website Dakwatuna.com. *Media Akademika*, 27(4), 569-586.
- Fakhr al-Din al-Razi. (1999). *Al-mahsul fi 'ilm al-usul*. Bayrut: Bayrut.
- Ghazali Sulaiman. (2007). *Media komunikasi Islam*. Dalam S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faedah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Hasim, N.A, Kashim, Mohd Izhar Ariff Mohd, Rizafizah Othaman, Mohamad Zaini yahaya, Rozida Khalid, & Muhammad Adib Samsudin. (2016). Menses from the perspective of science and Maqasid Syariah. *Sains Malaysiana*, 45(12), 1879-1885.
- Husni, A. M., Nasohah, Z. & Kashim, M. I. A. M., Salleh, M. M. M., Nordin, N., & Husni, A. M. (2015). Halal pharmaceuticals. *The Social Science*, 11(22), 33-42.
- Huzaimah Ismail, & Baterah Alias. (2007). *Dakwah dan kewajipan*. Dalam S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faedah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Ibn al-Hajib. (1985). *Muntaha al-usul wa al-aman fi 'ilm al-usul wa jadal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.



- Ibn Rushd al-Qurtubi. (1986). *Bidayat al-mujtahid wa nihayat al-muqtasid*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Imam Al-Sayuthi. (1989). *Al-isybah wa al-nadha'ir*. Bairut: al-Maktabah.
- Izz al-Din 'Abd al-Salam. (2007). *Al-qawa'id al-kubra; qawa'id al- ahkam fi islah al-anam*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Kashim, M. I. A. M., Alias, M. N., Zin, D. M. M., Said, N. L. M, Zakaria, Z., Salleh A. D., & Jamsari, E. A. (2018). Istihalah and its effects on food: An Islamic perspective. *International Journal of Civil Engineering and technology*, 9(1), 755-762.
- Kashim, M. I. A. M., Majid, L. A., Adnan, A. H. M., Husni, A. M., Nasohah, Z., Samsudin, M. A., & Yahaya, M. Z. (2015). Principles regarding the use of haram (forbidden) sources in food processing: A Critical Islamic analysis. *Asian Social Science*, 11(22), 17-25.
- Laila Nadiatul Falah. (2014). Peran Facebook sebagai media komunikasi dakwah group jama'ah muslimin (Hizbullah). *eJournal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 388-400.
- M. Ali Hasan. (1997). *Azas-azas hukum Islam: Pengantar ilmu hukum dan tata hukun Islam di Indonesia*. Jakarta: Raja wali Press.
- Md. Salleh Hassan, & Saiful Nujaimi Abdul Rahman. (2000). *Modul pengenalan komunikasi massa*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Shahir Abdullah. (2013). *Berdakwah dalam era multimedia* (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar 'Islam dan Multimedia' di IKIM). Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/en/berdakwah-dalam-era-multimedia>
- Mohd Nasran Mohamad. (2009). Kerangka media menurut perundangan Islam. Dalam Mohd Safar Hashim & Zulkiple Abd Ghani (pnyt.), *Komunikasi di Malaysia: Satu penelitian awal pendekatan Islam hadhari*. Bangi Malaysia: Institut Islam Hadhari, 49-62.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2013). *Hikmah dalam berdakwah*. Diakses daripada <http://www.mindamadani.my/artikel/bicara-haraki/item/13-hikmah-dalam-berdakwah.html>
- Mohd Shobi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar, & Jusang Bolong. (2011). *Kredibiliti maklumat sebagai faktor anteseden yang mempengaruhi tanggapan pengguna dalam model penerimaan maklumat berkaitan Islam di internet*. Bangi: UKM.
- Mohd. Shuhaimi Haji Ishak, & Sohirin Mohammad Solihin. (2012). Islam and media. *Asian Social Science*, 8(7), 263-269.
- Muhammad 'Uqlah. (1983). *Dirasat fi al-fiqh al-muqarin*. 'Umman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Musa Abu Hassan, Zulkiple Abd. Ghani, Mohd Shobi Ishak, Jusang Bolong, & Siti Zobidah Omar. (2011). *Tahap penerimaan maklumat berkaitan Islam di internet dari perspektif model penerimaan teknologi (TAM)*. Bangi: UKM.
- Najidah Zakariya, & Abu Dardaa Mohamad. (2013). Media sebagai wasilah dakwah. *Al-Hikmah*, 5, 92-99.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2006). *Dakwah dan cabaran teknologi maklumat dalam isu dan cabaran media di malaysia*. Dalam Mohamad Md Yusoff et al. (pnyt.), *Isu dan cabaran media di Malaysia* (pp. 1-20). Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia.

- Nur Hidayah. (2016). *Maqashid syari'ah dalam nasab anak luar kawin*. Dosen STAI: An-Nur Lampung.
- Paizah Ismail. (2014). *Penyelesaian masalah pertentangan antara nas berdasarkan prinsip maqasid al-syari'ah*. *Jurnal Fiqh*, 11, 75-96.
- Rosmawati Mohd Rasit, Salasiah Hanin Hamjah, & Adawiyah Ismail. (2011). *Media dakwah dan tingkah laku prososial: Satu perspektif*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Media & Dakwah (SMED 2011), USIM.
- Siti Eizaleila Mustafa, & Azizah Hamzah. (2010). Media sosial: Tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 37–52.
- Sohirin, & M. Solihin. (2008). *Islamic da'wah: Theory and practice*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Syukur Kholil. (2002). *Penyiaran agama, penggunaan media dan kepuasan khlayak agama di televisyen: Kajian di Medan Indonesia* (Tesis PhD tidak diterbitkan, Universiti kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Zulkifli Yusuf. (2009). *Konsep masalih mursalah menurut pandangan liberal: Satu analisis kritis*. *Jurnal al-Bayan*, 7, 1-14.
- Umar Halim, & Samsudin A. Rahim. (2013). Penglibatan digital: Akses dan penggunaan e-agama dalam kalangan generasi muda Muslim. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 121-135.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-fiqh al-islamiy wa adillatuhu* (Cetakan 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Yudian Wahyudi. (2007). *Maqashid syari'ah*. Yogyakarta: Pesantren Nawesea Press.
- Yudian Wahyudi. (2007). *Ushul fikih versus hermeneutika: Membaca Islam dari Kanada dan Amerika*. Yogyakarta: Nawesea.
- Yusuf al-'Alim. (1994). *Al-maqasid al-'ammah li syari'ah Islamiyyah*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- Yusuf al-Qaradawi. (2000). *Fi fiqh al-awlawiyat: Dirasah jadidah fi daui Al-Quran wa Al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zulkifli Hassan. (2008). *Memfaatkan media sosial untuk dakwah*. Diakses daripada <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/friday-khutbah-usim.pdf>
- Zulkiple Abd Ghani. (2001). *Komunikasi Islam sebagai komunikasi alternatif*. *Jurnal Islamiyyat*, 22, 79- 89.